



Bandar Universiti Pagoh Pemacu Koridor Pendidikan Negara

PENUBUHAN Bandar Universiti Pagoh sejak awal lagi diunjurkan menjadi perbandaran yang pertama negara untuk disepadukan dengan hab pendidikan. Bandar yang diterajui oleh kerajaan dan dibangunkan oleh pemaju harta tanah terkemuka Sime Darby Property, berperanan penting bagi meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pilihan pengajian tinggi di rantau ini. Hal ini selari dengan teras strategik prospek ekonomi Rancangan Johor Lima Tahun (RJ5T), 2016 - 2020 dan aspirasi Program Transformasi Ekonomi negara dengan nilai pembangunan kasar RM7.5 bilion.

Keluasan lebih daripada 4082 ekar dan kedudukannya antara dua buah bandar besar – metropolitan Kuala Lumpur dan Singapura – Bandar Universiti Pagoh merupakan akses yang strategik dan jelas dilihat dari Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS). Fasa pertama pembangunannya terdiri daripada empat buah institusi pengajian

tinggi awam, iaitu Universiti Tun Hussain Onn, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan politeknik. Kampus yang luas ini akan dilengkapi dengan perkongsian kemudahan dan perkampungan pelajar; komponen pelengkap seperti pusat penyelidikan dan pembangunan (P&P); kawasan kediaman; perindustrian berkapasiti sederhana dan tempat perniagaan yang dibangunkan secara berperingkat dalam tempoh 10 tahun hingga 15 tahun.

Hab pendidikan tinggi ini dibina dengan penekanan terhadap aspek kelestarian dan elemen mesra alam, sekali gus perbandaran ini dijangkakan berkembang dan bersedia menjadi mercu tanda destinasi antarabangsa untuk pengajian tinggi. Bandar ini bakal mengubah landskap utara Johor, dengan sumber sedia ada untuk bakat masa depan bersama-sama peluang yang lebih luas untuk pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi.



Aspek ini merupakan kekuatan yang signifikan bagi pembangunan utara Johor dan seiring dengan sasaran kemajuan serta pertumbuhan yang sudah dicapai di selatan.

Bandar Universiti Pagoh yang diilhamkan oleh mantan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, merupakan kunci komponen Pelan Strategik Tinggi Nasional yang disediakan untuk merevolusikan sektor pendidikan tinggi negara. Pembangunan bandar ini bukanlah seperti hab pendidikan biasa kerana secara holistiknya direka dengan teliti untuk mengurangkan pergantungan pada pengangkutan bermotor, seterusnya mengurangkan kesan karbon kepada keseluruhan penduduk.

Institusi ini dijangkakan beroperasi pada Januari 2017, dan bersedia menerima kira-kira 10 ribu pelajar pada peringkat awal. Perpustakaan Sultan Alauddin Riayat Shah, kompleks konvensyen pelbagai guna yang ikonik, sebuah menara jam yang unik dan jambatan serta sebuah masjid dengan reka bentuk tersendiri bakal diwujudkan di sini.

Struktur ikonik ini diperkaya dengan ciri legasi sejarah sebagai pusat budaya dan pembelajaran.

Bandar ini juga berfungsi sebagai pusat sumber bagi komuniti pelajar dan tarikan untuk pelawat, manakala plaza komersial yang terletak di antara kampus "multiversiti" dengan perkampungan pelajar dijadikan sebagai lokasi berkumpul, di samping tempat pertukaran pandangan dan idea.

Infrastruktur sosial merupakan salah satu elemen yang penting untuk menyokong konsep pembangunan yang berteraskan transit.

Urbanisasi bukanlah isu setempat, justeru merupakan fenomena semula jadi di seluruh dunia dan kini, perkara ini juga bakal berlaku di Pagoh. Kesan pembandaran adalah nyata dan tidak akan hilang selagi komuniti terus berkembang. Sime Darby Property yang melaksanakan konsep Pembangunan Berorientasikan Transit (T.O.D) merupakan satu bentuk pembangunan yang menggabungkan guna tanah kawasan komersial dan kediaman berhampiran dengan persinggahan transit. Infrastruktur sosial merupakan salah satu elemen yang penting untuk menyokong konsep pembangunan yang berteraskan transit. Penyediaan infrastruktur sosial yang baik dapat memberikan keselesaan, keselamatan, dan kemudahan mobiliti kepada penghuni untuk hidup di bandar.

Lebih daripada 200 ekar tasik buatan dan taman tema air menjadikan wujudnya pembangunan berorientasikan transit yang menarik. Aktiviti dan acara sukan air, seperti Ironman Malaysia dan Malaysia International Dragon Boat Championship, boleh diadakan dan akhirnya menjadi tradisi berkala. Selain itu, laman perindustrian dan perniagaan kontemporari disesuaikan untuk usahawan moden dan industri yang pakar dalam teknologi tinggi serta industri berasaskan pengetahuan. Bandar ini akan menjadi hab serantau bagi k-ekonomi, mendapat manfaat daripada ekosistem pengetahuan dan sumber yang telah sedia ada. Ciri perangkaan arkitek perbandaran menjadi pembeza utama yang akan memastikan pengalaman kerja yang lebih menyeronokkan bagi pekerja generasi Y dan generasi Z yang berpengetahuan di bandar ini.

Konsep k-ekonomi yang berasaskan pengetahuan adalah lebih terjamin berbanding dengan ekonomi berasaskan pengeluaran (p-ekonomi). Sekarang ini integrasi ekonomi lebih kepada p-ekonomi yang banyak menggunakan kos, tenaga buruh dan lain-lain, sedangkan k-ekonomi lebih tertumpu pada daya intelektual. Tanpa ilmu pengetahuan dan daya kreatif rakyat, selain terlalu bergantung pada ekonomi berasaskan pengeluaran, pembangunan negara mungkin tidak dapat dilakukan secara berterusan dan matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju sukar untuk tercapai. Pembangunan destinasi ilmu mungkin tidak akan berjaya tanpa menggunakan konsep k-ekonomi.

Sementara itu, tadbir urus yang stabil dan dasar sokongan kerajaan berupaya meletakkan Johor sebagai hab pembuatan dan eksport yang

berdaya maju di rantau ini. Pertumbuhan ekonomi menjadi perlahan jika negara gagal membangunkan modal insan bagi menggalakkan pembangunan yang berterusan. Malaysia seperti negara berpendapatan sederhana yang lain perlu mentransformasikan ekonomi negara daripada sektor pembuatan yang mempunyai kos dan upah yang rendah serta tenaga kerja yang kurang mahir kepada inovasi ekonomi yang berasaskan pengetahuan dan kemahiran bagi meningkatkan produktiviti.

Sehubungan dengan itu, keperluan golongan sasaran dalam pemilikan kediaman mampu milik juga tidak diabaikan. Tapak seluas hampir 126 ekar disediakan oleh pemaju melalui pemantauan kerajaan negeri bagi memastikan pelaksanaan pembinaan mencapai spesifikasi yang telah ditetapkan. Hal ini merupakan inisiatif kerajaan negeri setelah pelbagai isu timbul, antaranya termasuklah isu dasar kawal selia yang lebih ketat oleh Bank Negara Malaysia untuk memberikan pinjaman serta pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan yang memberikan kesan peningkatan harga bahan binaan. Berdasarkan Indeks Harga Rumah Malaysia (MHPI), pada suku pertama tahun 2015, berlakunya peningkatan harga sebanyak 4.1 peratus berbanding dengan suku pertama tahun 2014. Gambaran ini sememangnya menggusarkan rakyat, terutamanya kepada pembeli rumah pertama.

Komponen lain di pusat bandar ialah pasar raya besar, hotel, pejabat, dan pusat sukan air. Dikelilingi dua buah bandar utama industri perabot, iaitu Batu Pahat dan Muar, potensi pelaburan semakin terserlah dengan nilai eksport RM9.14 bilion dicatatkan pada tahun 2015 berbanding dengan tahun sebelumnya, selain menduduki tangga kedua dalam kalangan negara anggota ASEAN serta yang ketiga di Asia. Bersebelahan dengan PLUS, kawasan ini mudah diakses dari bandar utama.

Di samping itu, fasa pertama Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) yang menghubungkan Kuala Lumpur dengan Singapura dijangkakan siap pada tahun 2025. Stesen kereta api itu juga terdapat di Pagoh dan menjadi jajaran yang penting dengan kelajuan 300 kilometer sejam.

Dalam pada itu, Sime Darby Business Park yang mempunyai keluasan 225.18 ekar merupakan komponen pembangunan yang direka khas dengan menyediakan ruang industri dalam kawasan yang mencukupi untuk memudahkan pengangkutan bahan dan barang. Kemudahan jalan yang luas

dan tempat letak kenderaan yang dibina mampu menampung mobiliti jentera berat. Komited untuk menggalakkan kelestarian alam sekitar, pengemblengan sumber dan aplikasi teknologi serta konsep hijau dan amalan alam sekitar diguna pakai seperti melakukan puaian air hujan, dan bahan kitar semula.

Dari segi sumbangan pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan dalam negeri, aliran itu masih kekal, seperti tahun sebelumnya, iaitu FDI menyumbangkan 80 peratus dan pelaburan dalam negeri menyumbangkan 20 peratus. Ekonomi Johor dijangkakan terus menunjukkan prestasi yang baik berdasarkan senario pelaburan yang sihat didorong oleh Iskandar Malaysia dan hab ekonomi seperti Pengerang sebagai hab minyak dan gas serta Pagoh sebagai hab pendidikan tinggi.

Usaha yang berterusan dilaksanakan untuk meningkatkan sektor perkhidmatan, mempercepat ciri nilai tambah sektor perkilangan serta meningkatkan sektor berasaskan pertanian sebagai enjin pertumbuhan ketiga. Sumber pertumbuhan baharu terus dipertingkatkan dan maju seperti bioteknologi, teknologi maklumat dan komunikasi serta produk halal. Malah Malaysia sedang berkembang sebagai ekonomi berasaskan pengetahuan yang dipacu oleh idea, inovasi, dan modal insan.

Pertumbuhan yang progresif Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG) menunjukkan negara berada di landasan yang betul untuk mencapai sasaran sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Perkembangan ini dilihat memberikan impak yang besar kepada usaha untuk merancang sektor pendidikan tinggi di Malaysia, di samping dapat memberikan nilai tambah kepada sektor ini pada peringkat domestik dan antarabangsa.

Pembangunan bandar ini berperanan juga bagi menyediakan graduan yang kompeten dari segi kemahiran akademik dan generik. Perkembangan ini secara tidak langsung dapat merealisasikan usaha kerajaan untuk melahirkan tenaga kerja yang berkebolehan bagi memenuhi keperluan modal insan yang berkualiti dan menepati kehendak sebuah ekonomi berpendapatan tinggi. ●

Pertumbuhan ekonomi menjadi perlahan jika negara gagal membangunkan modal insan bagi menggalakkan pembangunan yang berterusan.